

# PEGAWAI AKADEMIK

Penggunaan portal e-Pembelajaran sebagai keperluan dalam pembelajaran dan pengajaran universiti.



Pegawai akademik lantikan baharu **wajib menghadiri sekurang-kurangnya satu (1) kursus/latihan e-Pembelajaran.**

**5.**

Semua kursus yang didaftarkan mesti dipaparkan dengan tepat.



Hadir latihan e-Pembelajaran terkini **sekurang-kurangnya dua (2) tahun sekali.**

**3**



Log masuk menggunakan **ID Staf dan kata laluan.**

**14**

**6.** Bahan pengajaran dimuat naik selepas-lewatnya sehari sebelum semester bermula.



**7.** Maklumat pengajaran dikemaskini mengikut keperluan.



**8.** Memastikan nota kuliah dan dokumen yang berkaitan boleh dicapai oleh pelajar.



**9.** Maklumat yang dimuat naik mesti berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran serta bebas daripada virus.



**10.** Menyimpan satu salinan setiap dokumen yang dimuat naik untuk rekod dan semakan bila diperlukan.



**11.** Memberi maklum balas kepada pelajar terhadap hasil tugas/aktiviti pembelajaran.



**12.** Memastikan pelajar membuat penilaian pengajaran melalui sistem e-Nilai.



**13.** Menggunakan emel dari semasa ke semasa untuk menyemak sebarang perkembangan dan pemberitahuan daripada SDEC.



## MEMATUHI ETIKA PERLAKUAN PENGGUNA SEPERTI BERIKUT:

Menggunakan portal e-Pembelajaran USIM hanya untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran.

Memastikan keselamatan nama pengguna (ID) dan kata laluan.

Bertanggungjawab menjaga privasi pelajar berkaitan dengan tugasan dan interaksi dalam emel/forum kursus.

Menggunakan portal e-Pembelajaran dengan bahasa yang formal dan berhemah seperti tidak mengeluarkan kata-kata kesat, menyentuh isu-isu perkauman dan sebagainya.

Tidak berkongsi sebarang dokumen e-Pembelajaran dengan mana-mana organisasi dan institusi lain, kecuali dengan kebenaran bertulis daripada USIM.

Tidak terlibat dengan aktiviti dan perlakuan yang tidak beretika serta boleh menjelaskan nama baik pihak universiti.

# UNTUK FAKULTI DAN PUSAT PEMBELAJARAN

Garis panduan ini bertujuan menyediakan panduan dan sumber maklumat kepada Fakulti dan pusat pembelajaran bagi menyokong pelaksanaan e-Pembelajaran USIM.

- 1** • Melantik seorang **penyelaras e-Pembelajaran** (dari Fakulti dan pusat pembelajaran) yang berperanan sebagai pegawai penghubung antara Fakulti, pusat pembelajaran dan SDEC atau mana-mana entiti yang terlibat dalam pelaksanaan e-Pembelajaran.

- 2** • Melantik **pegawai sokongan di bawah Timbalan Dekan Akademik (TDA)** atau yang setara) dan pegawai teknikal mahir (di peringkat zon ICT, SDEC) yang berperanan dalam menyokong operasi pelaksanaan e-Pembelajaran.

- 3** • Mewujudkan **jawatankuasa pelaksana dan sokongan** bagi membantu pelaksanaan e-Pembelajaran.

- 4** • Memastikan pegawai sokongan dan akademik **mempunyai pengetahuan dan kemahiran** dalam pelaksanaan e-Pembelajaran melalui latihan dan pemantauan yang berterusan.

- 5** • **Memberikan pengiktirafan** kepada pegawai akademik yang menggunakan e-Pembelajaran secara aktif dalam bentuk penghargaan seperti sijil, hadiah, geran atau lain-lain yang difikirkan sesuai.



- 6** • **Menyediakan prasarana** ICT terkini yang bersesuaian, yang dapat menyokong pelaksanaan e-Pembelajaran.



- 7** • **Menghebahkan** kepada pelajar dan pegawai akademik tentang kemudahan dan sokongan e-Pembelajaran yang terdapat di pusat pembelajaran. Antaranya:

Maklumat pegawai sokongan dan pakar rujuk/teknikal yang bertanggungjawab untuk sebarang masalah teknikal e-Pembelajaran.

Kaedah perhubungan bagi mendapatkan bantuan berkaitan masalah teknikal e-Pembelajaran.

Latihan dalaman e-Pembelajaran sama ada untuk pegawai atau pelajar.

Naik taraf sistem e-Pembelajaran semasa.

Hebahan-hebahan lain daripada entiti berkaitan e-Pembelajaran.



- 8** • Memastikan pegawai bertanggung-jawab **dapat dihubungi** pada masa diperlukan.

\*Berdasarkan Garis Panduan E-Pembelajaran yang diluluskan Senat pada 4 April 2018

# GARIS PANDUAN E-PEMBELAJARAN UNTUK PELAJAR

• GARIS PANDUAN INI MENERANGKAN PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR DALAM PENGGUNAAN E-PEMBELAJARAN USIM SAMA ADA DI DALAM ATAU DI LUAR KAMPUS.

**1.** ■ Menggunakan portal e-Pembelajaran di USIM untuk aktiviti pembelajaran dan pengajaran dari semasa ke semasa.



**2.** ■ Bertanggungjawab mendapatkan pengetahuan dan kemahiran berkenaan e-Pembelajaran (contoh: melalui kursus, hebahan dan latihan).



**3.** ■ Menggunakan ID pelajar dan kata laluan iStudent Portal untuk log masuk ke sistem e-Pembelajaran USIM.



**4.** ■ Memastikan bahawa semua kursus berkenaan, yang didaftarkan di iStudent portal dipaparkan dengan tepat dalam GOALS.



\*Sebarang masalah boleh dirujuk kepada Fakulti dan BPA.

**5.** ■ Memastikan nota kuliah dan dokumen yang berkaitan boleh dicapai melalui portal e-Pembelajaran.



\*Maklumkan kepada pegawai akademik yang berkaitan sekiranya nota kuliah tidak dapat dicapai.

**6.** ■ Memastikan setiap fail yang dimuat naik adalah bebas daripada virus dan unsur plagiat.



**7.** ■ Menyimpan satu salinan setiap tugas yang dimuat naik untuk rekod dan semakan bila diperlukan.



**8.** ■ Membuat penilaian pengajaran melalui sistem e-Nilai untuk setiap kursus dan pengajar pada setiap semester.



**9.** ■ **ETIKA PENGGUNAAN E-PEMBELAJARAN:**

Menggunakan portal e-Pembelajaran USIM hanya untuk tujuan pembelajaran.

Memastikan keselamatan ID pelajar dan kata laluan.

Menggunakan portal e-Pembelajaran dengan bahasa yang formal dan berhemah seperti tidak mengeluarkan kata-kata kesat, menyentuh isu-isu perkauman dan sebagainya.

Tidak berkongsi sebarang dokumen e-Pembelajaran dengan mana-mana organisasi dan institusi lain, kecuali dengan kebenaran bertulis daripada USIM.

Tidak terlibat dengan aktiviti yang tidak beretika seperti menceroboh ke dalam portal e-Pembelajaran.

Tidak melakukan sebarang perlakuan yang dianggap tidak beretika dan boleh menjatuhkan nama baik universiti.

Tindakan yang bersesuaian akan diambil ke atas pelajar sekiranya berlaku perlanggaran etika (10.3 – 10.6) mengikut Seksyen 8, Bahagian II, Tatatertib Am, Kaedah-kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009.

\*Berdasarkan Garis Panduan E-Pembelajaran yang diluluskan Senat pada 4 April 2018



USIM

# GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN E-KANDUNGAN

1. Proses PnP universiti perlu disokong oleh e-Kandungan iaitu **tidak kurang daripada 30% daripada jumlah keseluruhan bahan PnP untuk setiap kursus.**



2. E-Kandungan perlu digunakan dalam setiap kursus untuk memastikan bahan pembelajaran **dapat diakses** pada bila-bila masa.



## TIGA TAHAP E-KANDUNGAN :

### TAHAP ASAS

Muat naik bahan PnP digital termasuk nota kuliah, arahan tugas, bahan tutorial mengikut Rancangan Pengajaran.

### TAHAP PERTENGahan

Muat naik bahan PnP digital dengan penggunaan pelbagai media yang berbentuk interaktif dan melibatkan interaksi dua hala antara pelajar dan bahan E-Pembelajaran.

### TAHAP LANJUTAN

Muat naik bahan PnP melebihi Tahap Asas dan Tahap Pertengahan iaitu pelaksanaan aktiviti penilaian seperti kuiz dan tugas assignment.

4. Setiap kursus sekurang-kurangnya menggunakan bahan PnP digital **pada Tahap Pertengahan.**



5. Penilaian e-Kandungan adalah berdasarkan **amalan terbaik dalam pengintegrasian bahan digital** seperti yang dinyatakan dalam ketiga-tiga tahap.



6. Setiap kursus yang memenuhi Tahap Lanjutan boleh dipertimbang untuk **pemberian penghargaan.**

## 7. HAKCIPTA DAN HARTA INTELEK

Semua bahan pengajaran yang dibangunkan menjadi hak bersama pegawai akademik dan universiti, selagi menggunakan kemudahan dan sokongan USIM.

Pegawai akademik boleh menggunakan bahan yang telah direpositori dengan mendapat keizinan pembangun bahan tersebut.

Sekiranya pegawai akademik menerima ganjaran dan/atau insentif dalam bentuk pengurangan beban tugas, geran atau saguhati kerana membangunkan bahan e-Kandungan serta mendapat bantuan Perek Instruksi dan/atau Content Developer yang disediakan oleh universiti, hakcipta e-Kandungan yang dihasilkan adalah hak milik universiti.

Bahan e-Kandungan yang dibangunkan tidak boleh digunakan di luar USIM tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada universiti terlebih dahulu.

\*Berdasarkan Garis Panduan E-Pembelajaran yang diluluskan Senat pada 4 April 2018

**1.** E-Pembelajaran USIM dilaksanakan di semua peringkat pengajian yang melibatkan pelajar, pegawai akademik dan sokongan.



**2.** E-Pembelajaran USIM dilaksanakan secara berterusan sepanjang semester mengikut kalendar akademik.



### **3. TAHAP PELAKSANAAN E-PEMBELAJARAN USIM**

#### TAHAP PERTAMA



Bahan pembelajaran seperti nota kuliah dan bahantutorial disediakan mengikut Rancangan Pembelajaran.

#### TAHAP KEDUA



Pembangunan bahan e-Kandungan dalam format integrasi multimedia.



Pembangunan bahan PnP secara interaktif dan atas talian yang menyokong Pembelajaran Berfokuskan Pelajar / Student Centered Learning ( CSL ).

**4.** Penilaian pelaksanaan e-Pembelajaran USIM adalah berdasarkan tahap penggunaan e-Pembelajaran.



**5.** Setiap pegawai akademik mesti perlu mencapai Tahap Pertama. Pemberian penghargaan kepada pegawai akademik yang memenuhi tahap kedua & ketiga boleh dipertimbangkan.



**6.** Tahap penggunaan adalah merujuk kepada Laporan Penggunaan e-Pembelajaran USIM dengan menggunakan alat pengukuran iaitu GOALS Reporting Tool.



**7.** Laporan Penggunaan e-Pembelajaran USIM menentukan pegawai akademik telah mencapai Mod Kursus Pembelajaran Teradun selaras dengan 30% Rubric Blended Learning.



**8.** Kursus Pembelajaran teradun perlulah dicapai oleh semua pegawai akademik mengikut rubrik.

#### 8.1 PELENGKAP METOD PENGAJARAN

Perlaksanaan 30% pembelajaran teradun berlaku sebagai pelengkap dalam PnP.

#### 8.2 PENGGANTIAN (SUBSTITUT) METOD PENGAJARAN

30% jam pembelajaran pelajar (SLT) merangkumi aktiviti PnP dan pentaksiran mesti dilaksanakan secara atas talian.

	<b>Mode</b>	<b>SLT</b>		<b>Total SLT Hours</b>	<b>Percentage</b>
		<b>TLA (F2F)</b>	<b>Assessment(F2F)</b>		
	Conventional (100%)	<b>42</b>	<b>42</b>	<b>42</b>	<b>100%</b>
<b>Mod teradun: Metod Pengantian</b>	Conventional (70%)	<b>30*</b>	<b>6*</b>	<b>36*</b>	<b>70%</b>
	Pembelajaran Online (30%)	<b>12*</b>	<b>3*</b>	<b>15*</b>	<b>30%</b>

\*Approximate SLT

\*\*Instructor can also calculate SLT for blended learning as 30% of 51 hours SLT without dividing TLA and assessment

\*Berdasarkan Garis Panduan E-Pembelajaran yang diluluskan Senat pada 4 April 2018